

PANDUAN PELAKSANAAN MODEL 6 BULAN KHATAM AL-QURAN TAHUN 6

1. PENDAHULUAN

Buku ini bertujuan memberi penjelasan mengenai Model 6 Bulan Khatam Al-Quran dan cara pelaksanaannya. Panduan ini menyentuh takrif, objektif, kumpulan sasar, strategi pelaksanaan, agihan, kaedah pengajaran dan pembelajaran, serta penilaian.

2. TAKRIF

Model 6 Bulan Khatam al-Quran ialah program yang menumpukan kepada kemahiran membaca al-Quran pada enam bulan pertama Tahun Enam..

3. OBJEKTIF

- 3.1 Murid dapat membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid.
- 3.2 Murid dapat menghabiskan bacaan al-Quran daripada juzuk 27 hingga sebahagian daripada juzuk 30.

4. KUMPULAN SASARAN

Semua murid yang beragama Islam Tahun Enam sekolah rendah.

5. STRATEGI PELAKSANAAN

5.1. Tempoh Pelaksanaan

Murid Tahun 6 akan mengikuti aktiviti Model 6 Bulan Khatam Al-Quran selama 6 bulan pertama setiap tahun (Januari hingga Jun). Bagi bulan-bulan berikutnya mereka akan mengikuti kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan sukatan pelajaran sedia ada.

5.2. Peruntukan Waktu

Pengajaran dan Pembelajaran di Tahun Enam berfokus kepada khatam al-Quran selama 6 bulan (18 minggu Pengajaran dan Pembelajaran) mulai **Januari hingga Jun** dengan peruntukan masa empat kali seminggu. Waktu selebihnya digunakan untuk Jawi satu waktu dan Ulum Syariah satu waktu. Pada enam bulan berikutnya, mulai **Julai hingga Disember** peruntukan waktu Asuhan Tilawah Al-Quran ialah dua waktu, Ulum Syariah dua waktu, Akhlak Islamiah satu waktu dan Jawi satu waktu.

5.3. Proses Pengajaran dan Pembelajaran.

- i. Semua murid membaca al-Quran menggunakan mushaf Rasm Uthmani yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran.
 - ii. Pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara individu menggunakan pendekatan talaqqi dan musyafahah.
 - iii. Proses talaqqi dan musyafahah dalam kelas dikendalikan oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) dan 3 orang guru j-QAF. Proses ini dilakukan secara langsung oleh guru untuk setiap murid. Untuk membolehkan murid khatam al-Quran guru hendaklah menetapkan target minima lima minit masa bacaan untuk setiap murid bagi setiap waktu P&P. Bagi kelas yang ramai murid target ini sukar dicapai, oleh itu guru boleh meminta dua orang murid yang berkebolehan membaca secara serentak.
 - iv. Guru perlu merekod bacaan setiap murid di dalam Buku Rekod Bacaan masing-masing.
 - v. Penilaian hendaklah dilakukan pada setiap bulan pengajaran dijalankan. Laporan penilaian bacaan al-Quran hendaklah dilengkapkan dengan menggunakan borang penilaian al-Quran yang disediakan oleh Kementerian.
 - vi. Jika terdapat murid yang tidak mencapai tahap yang diharapkan dalam tempoh tersebut, pemulihan mesti dijalankan agar tidak ada pelajar yang tercicir.
 - vii. Selepas tamat tempoh 6 bulan satu lagi bentuk penilaian keseluruhan hendaklah dibuat bagi mengenalpasti semua pelajar dapat membaca al-Quran dengan baik.
 - viii. Aktiviti-aktiviti pemulihan seperti kelas pemulihan atau kem literasi al-Quran perlu diadakan kepada murid yang tidak dapat membaca (ummi) al-Quran.
- 5.4 Agihan rancangan mingguan yang dinyatakan dalam **Lampiran A** adalah sebagai panduan di mana murid cemerlang boleh meneruskan bacaan al-Quran tanpa terikat dengan agihan juzuk yang dicadangkan.

6. AGIHAN TUGAS

- 6.1 Ketua Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, Penolong Pengarah Kurikulum, Penyelia Pendidikan Islam Negeri, Pegawai j-QAF dan Penyelia Pelajaran Daerah bertanggungjawab memastikan program j-QAF berjalan seperti yang dijadualkan.
- 6.2 Guru Besar bertanggungjawab
 - i. mengadakan mesyuarat penyelarasan pelaksanaan program j-QAF;
 - ii. memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan sempurna;

- iii. memantau pelaksanaan program; dan
- iv. mengesahkan laporan yang dibuat oleh guru dan dihantar ke Jabatan Pelajaran Negeri. Laporan pencapaian murid dibuat menggunakan borang Analisa Pencapaian Murid.

6.3 Ketua Panitia Pendidikan Islam bertanggungjawab

- i. bertindak sebagai setiausaha jawatankuasa pelaksana peringkat sekolah;
- ii. mengadakan mesyuarat dan perbincangan pelaksanaan program j-QAF;
- iii. bekerjasama dengan Guru j-QAF menyediakan keperluan pelaksanaan program j-QAF; dan
- iv. menyemak laporan.

6.4 Guru Pendidikan Islam bertanggungjawab

- i. membimbing guru j-QAF dalam melaksanakan P & P;
- ii. penyelarasan P & P dalam bilik darjah;
- iii. memastikan setiap murid memiliki Buku Rekod Bacaan Al-Quran; dan
- iv. bersama guru j-QAF membuat pengesahan bacaan setiap murid seminggu sekali dalam Buku Rekod Bacaan Al-Quran.

6.5 Guru j-QAF

- i. bersama guru Pendidikan Islam membahagikan murid-murid kepada beberapa kelompok mengikut tahap penguasaan bacaan;
- ii. membantu dan membimbing murid secara individu;
- iii. mencatat bacaan murid dalam Buku Rekod Bacaan Al-Quran mengikut kelompok masing-masing;
- iv. mengenalpasti kelemahan murid dan membuat catatan dalam Buku Rekod Mengajar; dan
- v. membuat laporan pencapaian murid sebanyak dua kali setahun iaitu pada bulan Julai dan Oktober.

7. KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Khatam Al-Quran Model 6 Bulan menekankan penggunaan kaedah talaqqi dan musyafahah. Kaedah ini dilaksanakan melalui proses berikut:

- 7.1 Murid mendengar bacaan contoh dari guru, kaset contoh bacaan, CD atau lain-lain.
- 7.2 Murid membaca dengan bimbingan guru PI, guru j-QAF atau murid turus.
- 7.3 Guru PI, guru j-QAF atau murid turus membetulkan bacaan murid.

7.4 Guru PI, guru j-QAF atau murid turut mengesahkan bacaan murid dengan memberikan pujian.

8. PENILAIAN

Penilaian bacaan al-Quran perlu dilakukan pada setiap bulan kepada murid bagi mengesahkan murid tersebut benar-benar menguasai bacaan yang direkodkan oleh guru PI dan guru j-QAF. Laporan penilaian hendaklah dilengkapi dengan menggunakan borang penilaian al-Quran seperti yang disediakan oleh Kementerian. Laporan penilaian yang dilengkapi ini hendaklah difailkan untuk simpanan dan dihantar ke pihak yang bertanggungjawab seperti berikut:

8.1 Sekolah kepada Pejabat Pendidikan Daerah/Gabungan (PPD/PPG pada setiap bulan Julai dan Okt)

8.2 PPD kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN pada setiap bulan Julai dan Okt)

8.3 JPN kepada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM dua kali setahun iaitu Julai dan Oktober)

Penilaian menyeluruh bagi khatam al-Quran hendaklah dilakukan pada Julai dan Oktober bagi menentukan tahap pencapaian bacaan al-Quran setiap individu. Laporan analisa pencapaian murid hendaklah dihantar ke JPN pada bulan Julai dan Oktober. Pihak JPN akan menghantar laporan analisa tersebut ke JAPIM pada Julai dan Oktober. Penilaian hendaklah menggunakan ayat bacaan semasa murid. Penilaian ini hendaklah berdasarkan panduan berikut:

Agihan markah

- i. Jumlah ayat : 60 markah
- ii. Kualiti bacaan : 40 markah

Markah jumlah ayat dikira berdasarkan jumlah ayat tertinggi yang di baca oleh murid iaitu :

ayat tertinggi X 60 =

Jumlah ayat keseluruhan

Kualiti bacaan seseorang murid dinilai berdasarkan aspek bacaan berikut:

POTONGAN MARKAH										PERKARA YANG DINILAI
40	39	38	37	36	35	34	33	32	31	i. Berulang-ulang menyebut kalimah yang sama
30	29	28	27	26	25	24	23	22	21	ii. Menyalahi makhraj dan sifat huruf.
20	19	18	17	16	15	14	13	12	11	iii. Bertukar-tukar kalimah.
10	9	8	7	6	5	4	3	2	1	iv. Wajibul Ghunnah, Makhraj dan Sifat Huruf, Hukum Mim, Nun Sakinah,

POTONGAN MARKAH	PERKARA YANG DINILAI
	vi. Mad dan Qalqalah. <i>Catatan: Pemotongan hendaklah mengambil kira kemahiran yang ada di dalam Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran.</i>
Markah Keseluruhan	

Catatan :

- i. Potongan dibuat bermula dari angka 40 (contoh pemotongan 40)
- ii. Setiap satu kesalahan dipotong satu markah.
- iii. Setiap kesalahan yang berulang dipotong satu markah sahaja.

Apabila menggunakan elemen dalam perkara yang dinilai, guru perlu mengambil kira keupayaan murid di tahun satu, tidak disamakan dengan keupayaan murid sekolah menengah atau orang dewasa.

Lampiran A

اكيهن رانجن ميڳوان تاهون 6

اوتيت	جزء	سورة	اية
1	27	الطور	45-1
		النجم	40-1
النجم		42-41	
القمر		55-1	
2	27	الرحمن	40-1
		الرحمن	78-41
الواقعه		97-1	
الحديد		3-1	
3	27	الحديد	29-4
		المجادلة	6-1
المجادلة		33-7	
الحشر		24-1	
4	28	المتحنه	13-1
		الصف	14-1
الجمعة		8-1	
الجمعة		11-9	
5	28	المنافقون	11-1
		المنافقون	18-1
الطلاق		5-1	
الطلاق		12-6	
6	28	التحرير	12-1
		الملك	26-1
الملك		30-27	
القلم		52-1	
7	29	الحاقه	52-1
		المعارج	10-1
المعارج		33-11	
نوح		28-1	
8	29	الجن	28-1

اوتيت	جزء	سورة	اية
11	29	المزمل	20-1
		المدثر	52-1
		القيامة	40-1
		الإنسان	5-1
		الإنسان	31-6
		المرسلات	50-1
		النبأ	40-1
12	29	النازعات	15-1
		النازعات	42-16
		عبس	42-1
		التكوير	29-1
		الإنفطار	19-1
		المطففين	36-1
		الإنشقاق	25-1
13	30	البروج	22-1
		الطارق	17-1
		الأعلى	19-1
		الغاشية	26-1
		الفجر	30-1
		البلد	20-1
		الشمس	15-1
14	30	الليل	14-1
		الضحى	15-1
		الشرح	8-1
		التين	8-1
		العلق	19-1
		القدر	5-1
		البينة	8-1
14	30	الزلزلة	8-1

ايتة	سورة	جزء	اونيت
3-1	الكوثر	30	16
6-1	الكافرون		
3-1	النصر		
5-1	المسد		
4-1	الإسراء		
5-1	الفلق		
6-1	النّاس		

ايتة	سورة	جزء	اونيت
11-1	العاديات	30	15
11-1	القارعة		
8-1	التكاثر		
3-1	العصر		16
9-1	الهمزة		
5-1	الفيل		
4-1	القريش		
7-1	الماعون		